

Pas hanya main politik

MUAR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pemimpin Pas hanya bermain politik apabila memberi amaran kepada Semangat 46 mengenai kerjasama rapat parti itu dengan DAP.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, Pas sendiri sebenarnya sentiasa bekerjasama dengan DAP, tetapi tidak mahu ia diketahui oleh ahlinya kerana takut tidak mendapat sokongan.

"Pada hakikatnya, kita sudah tahu mereka sentiasa bekerjasama rapat dengan DAP seperti yang terbukti dalam setiap pilihanraya kecil sebelum ini, walaupun DAP menentang pembentukan kerajaan Islam ala Pas.

"Oleh itu semua orang sudah boleh menilai apa sebenarnya yang dikata pemimpin Pas dan apa pula yang dikotakan oleh mereka," katanya kepada pemberita selepas mengadakan dua perjumpaan

tertutup dengan jawatankuasa Badan Perhubungan Umno Johor dan pemimpin 18 bahagian parti itu di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, bagi mendapatkan sokongan politik, Pas sanggup bekerjasama dengan mana-mana pihak, walaupun pihak terbabit menentang konsep kerajaan Islam yang kononnya cuba ditekankan di negara ini.

Menurutnya, Pas bermain politik bukan untuk membentuk kerajaan Islam di Malaysia, tetapi semata-mata untuk mendapatkan kuasa politik.

Perdana Menteri berkata, sejak pilihanraya umum 1969 lagi, Pas memang sudah bekerjasama dan cuba mencari sokongan daripada pihak yang tidak bersetuju dengan konsep negara Islam, semata-mata untuk menang.

Oleh itu, katanya, sudah jelas pernyataan pemimpin Pas bahwa parti itu akan memutuskan hubungan dengan Semangat 46 sekiranya ia meneruskan kerjasamanya dengan DAP adalah satu muslihat.

Bendahari Pas, Haji Mustaffa Ali, semalam berkata Pas akan memutuskan sebarang hubungan dengan Semangat 46 sekiranya parti itu menolak Islam sebagai 'addeen' dan terus bekerjasama dengan DAP yang jelas menentang penubuhan sebuah negara Islam.

Mengenai perjumpaannya dengan pemimpin Umno Johor, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau menjelaskan kepada mereka secara terus-terang mengenai pelbagai perkembangan baru dalam parti.

Oleh
SAODAH ELIAS

"Saya bercakap dengan mereka tanpa berselindung kerana saya sedar saya tidak berhak membuat sebarang keputusan sendiri, lebih-lebih lagi jika apa yang dihasilkan dalam perjumpaan itu akan menyebabkan berlaku perubahan dalam parti.

"Kerana itu, saya beritahu mereka mengenai semua perkembangan dalam parti."

Perdana Menteri akan memberi amanatnya di Majlis Memperingati Perhimpunan Melayu Johor di sini, malam ini.

Sementara itu, Yang Dipertua Pas, Haji Fadzil Noor, menyifatkan kenyataan Haji Mustaffa bahawa Pas akan memutuskan hubungannya dengan Semangat 46 jika parti itu bekerjasama dengan DAP sebagai reaksi peribadinya kepada laporan akhbar.

Beliau berkata di Alor Star hari ini, Haji Mustaffa hanya menaulas laporan mengenai kehadiran Tengku Razaleigh di satu ceramah DAP di Kuala Lumpur, Sabtu lalu.

Haji Fadzil berkata, pemimpin PAS belum membincangkan perkara itu dan hubungan Pas-Semangat 46 adalah baik dan semakin erat.

Mengenai gesaan DAP kepada Pas supaya menggugurkan hasratnya untuk menubuhkan negara Islam, beliau berkata, Timbalan Pengerusi DAP, Encik Karpal Singh yang membuat kenyataan itu hanya mengulangi pendirian DAP terhadap perkara itu.